

BAHAGIAN A

[25 markah]

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruangan jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Hanim kerap berkunjung ke mini perpustakaan yang terletak di pekan berdekatan dengan kawasan perumahannya.

- (ii) Majlis pelantikan Tengku Mahkota sebagai sultan baharu diadakan dengan penuh adat istiadat.

- (iii) Perabot itu sangat mahal harganya kerana diperbuat dari kayu yang berkualiti tinggi.

- (iv) Semua pelajar dikehendaki menyiapkan kertas kerja berpandukan pada format penulisan yang telah ditetapkan.

[8 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ibu meleterti Chintia kerana meletakkan stokin yang dipakainya di merata-rata tempat setiap kali pulang dari sekolah.

- (ii) Kraf tangan yang dihasilkan oleh masyarakat orang asli itu akan dikomersialkan supaya dapat menjanakan pendapatan masyarakat tersebut.

- (iii) Semua produk keluaran Syarikat Budiman perlu melalui pemerosesan yang teliti untuk memelihara kualitinya.

[3 markah]